

06/05/2004

Menangi jiwa dan hati umat Islam selatan Thai

By Kadir Dikoh

SEPANJANG penerbangan menggunakan jet eksekutif dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang ke Bangkok, kelmarin, Datuk Seri Najib Razak kelihatan tenang meskipun membawa misi yang boleh dikatakan agak berat bagi membincang pergolakan di selatan Thailand.

Penulis turut diberi peluang menaiki pesawat jenis Boeing Business (BB) yang mempunyai 31 tempat duduk itu dan sebuah bilik tidur. Sebaik mendarat di pangkalan tentera bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Bangkok setelah penerbangan kira-kira dua jam, Timbalan Perdana Menteri melangkah keluar dengan penuh yakin.

Empat jam setengah kemudian iaitu kira-kira jam 3.30 petang, Najib yang turut ditemani Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menemui Perdana Menteri Thaksin Shinawatra serta beberapa menteri kanannya di Rumah Kerajaan di Thanon Pitsanulok Dusit.

Misi utamanya atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ialah bagi mencari fakta sebenar kejadian yang meragut 112 nyawa, kebanyakannya anak muda di selatan Thailand Rabu lalu - tanpa niat Malaysia untuk mencampuri urusan dalaman negara itu dan meninjau apa yang boleh Kuala Lumpur bantu.

Hasilnya - Thaksin bagi pihak kerajaan Thailand menjemput Malaysia untuk menghantar penceramah berwibawa bagi menyampaikan khutbah dan memberi penjelasan kepada masyarakat Islam di selatan Thailand mengenai kefahaman Islam sebenar serta menolak sebarang bentuk militan.

Pada masa sama, Kuala Lumpur menawarkan kepakaran pengalamannya menangani ancaman puak militan dan fahaman ekstrem menerusi pendekatan 'memenangi hati dan jiwa' kepada Thailand dalam usaha membawa keamanan di selatan negara itu yang bergolak.

Najib berkata, Thaksin sendiri dalam pertemuan itu mengakui hakikat keperluan untuk memenangi hati dan jiwa masyarakat Islam di selatan negaranya sebagai dimensi penting bagi menjamin keamanan dan keselamatan.

Persoalannya, sanggup atau bersediakah kerajaan Thailand berbuat demikian? Bayangkan, kerajaan kita berjaya 'memenangi hati dan jiwa' puak komunis dalam tempoh hampir separuh abad - satu perancangan jangka panjang yang memerlukan kesabaran, kejujuran serta tanpa niat politik keterlaluan, sebaliknya bagi kepentingan keamanan rakyat dan negara berkekalan.

Sekarang, negara kita meskipun dihuni rakyat pelbagai kaum, hidup dalam keadaan penuh aman, makmur dan sejahtera, sekali gus melicinkan segala program pembangunan melalui kerajaan Barisan Nasional (BN) - gabungan 14 parti mewakili rakyat pelbagai kaum.

Bangkok juga boleh meniru kaedah perkongsian kuasa seperti itu kerana jika tidak, masyarakat Islam di bahagian selatan yang kebetulan bersempadan dengan Malaysia akan terus berasa tersisih, terpinggir dan dipinggirkan.

Menurut sumber diplomatik di Bangkok, sebelum kejadian di selatan Thailand baru-baru ini, populariti Thaksin menurun tetapi naik mendadak berikutan kejadian itu apabila lebih 100 orang Islam terbunuh.

Sejauh mana kebenaran itu tidak pasti tetapi akhbar Thailand sendiri, The Nation, tidak berselindung dengan dakwaan bahawa kerajaan negara itu anti-Muslim. Thaksin sendiri juga mengakui kemiskinan di selatan negaranya antara punca munculnya gerakan militan itu baru-baru ini.

Thaksin sendiri akan ke selatan Thailand selama tiga hari mulai hari ini dengan terbang ke Hadyai, kemudian berkereta ke tiga wilayah selatan yang

bergolak itu dengan pengumuman supaya kawalan pergerakannya tidak diperketatkan.

Memang benar kata Tun Dr Mahathir Mohamad selama ini bahawa punca sebenar keganasan harus dikenal pasti bagi memudahkan usaha menanganinya. Bekas Perdana Menteri itu pernah berkata, keganasan yang diselesaikan melalui kekerasan bukan satu penyelesaian, malah memburukkan lagi keadaan.

Masalah dihadapi masyarakat Islam di selatan Thailand tidak jauh bezanya dengan kerumitan dihadapi umat Islam di selatan Filipina - semuanya berkisar kepada kemiskinan, tiada pekerjaan dan pembangunan amat terhad. Dengan itu ramai belia Islam tiada pekerjaan dan ditambah pula tahap pendidikan yang rendah.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa keadaan umat Islam di selatan Filipina dan Thailand, tidak ubah seperti rakyat negara ini sebelum merdeka atau pada babak awal negara mencapai kemerdekaan dulu.

Sementara itu, apa yang membimbangkan ialah kemungkinan campur tangan Barat yang mencetuskan kejadian di selatan kedua-dua negara itu selama ini - dengan kes terbaru di Pattani, Narathiwat dan Yala - dalam usaha mereka menguasai ruang laut, udara dan akhirnya di darat Asia Tenggara, apatah lagi timbul isu mahu menguasai Selat Melaka baru-baru ini.

Kita tidak mahu sebarang kuasa besar masuk ke wilayah rantau ini atas alasan mahu menangani masalah keganasan. Inilah bentuk penjajahan baru - mencari justifikasi untuk menguji senjata canggih setelah mereka gagal melakukannya melalui kaedah ekonomi meskipun ada negara yang hampir berjaya mereka `jajah' di rantau ini.

Lihat sajalah apa yang berlaku di Afghanistan dan Iraq.

Thailand mempunyai 66 juta penduduk termasuk enam juta umat Islam yang sebahagian besarnya petani dan penoreh getah, menetap di bahagian selatan negara yang majoriti penduduknya penganut Buddha itu.

Awal tahun ini, ramai yang ditahan kerana pembabitian mereka dengan gerakan pemisah Islam. Beberapa pertubuhan yang dikaitkan dengan Islam seperti Pertubuhan Pembebasan Bersatu Pattani (PULO), Barisan Revolusi Nasional (BRN) dan Pergerakan Mujahideen Islam Pattani (GMIP) - mula diawasi dengan lebih dekat oleh pihak berkuasa Thailand dan ini memberi tekanan kepada masyarakat Islam yang berdekatan dengan sempadan Malaysia itu.

Malah, jumlah yang ditembak mati oleh askar dan polis Thailand, melebihi 100 orang memang memeranjatkan termasuk 32 yang ditembak di dalam Masjid Krisek di wilayah Pattani. Apakah tiada usaha untuk memujuk mereka menyerah diri dari dalam masjid?

Pendekatan lembut dan mesra untuk `memenangi hati dan jiwa' amat penting, bukan secara kekerasan.

Tidak dipastikan sejauh mana kebenaran kenyataan Ketua Pentadbir Daerah Kecil tempat lokasi masjid itu, Ware-Uma Waredoloh yang mendakwa mereka yang terkorban boleh menyelamatkan diri sebelum polis di tempat kejadian memanggil polis tambahan, selepas diberi amaran.

Tiada bedah siasat mayat mangsa sama ada kedua-dua tapak tangan mereka turut ditembusi peluru dan jika itu terjadi, bermakna ada tanda mereka mengangkat tangan untuk menyerah diri tetapi ditembak juga.

Kita berharap kejadian itu tidak seperti dalam filem Rambo dengan tembakan bertubi-tubi menggunakan mesingan ke kiri dan kanan, menghala musuh menyebabkan manusia ranap sekelip mata. Dunia lakonan sekarang bagaikan menjadi nyata di banyak tempat.

Misi Najib ke Bangkok boleh dikatakan berjaya dan sekurang-kurangnya masyarakat Islam di selatan Thailand boleh menaruh harapan terhadap pembaharuan pendekatan kerajaan mereka, jika Bangkok ikhlas dengan janjinya untuk menabur berjuta-juta wang bagi pembangunan di situ.

Pada pertemuan itu, Thaksin memberi jaminan Bangkok berusaha untuk

meningkatkan lagi tahap pembangunan sosioekonomi di wilayah selatan negaranya.

"Thaksin memberitahu ahawa asas permasalahan adalah kemiskinan dan kurangnya pencapaian dalam pendidikan. Beliau mahu mempergiatkan pembangunan sosioekonomi di kawasan selatan," kata Najib.

Beliau berkata, hasrat itu juga selaras dengan keputusan yang dibuat pada pertemuan Thaksin dengan Abdullah April lalu dengan dibentuk jawatankuasa bersama yang dipengerusikan kedua-dua Menteri Luar untuk melihat cara tingkatkan kerjasama dari segi pembangunan sosioekonomi di selatan Thailand.

Kita juga ingin mendengar komitmen sama dibuat Presiden Aroyo Macapagal untuk masyarakat Islam di selatan negara itu, bukan retorik semata-mata tetapi pada masa yang sama membenarkan kehadiran tentera asing berpangkalan di negaranya.

Mengenai permintaan Thailand agar Malaysia menghantar penceramah berwibawa, Najib berkata pihaknya akan merangka butiran lanjut bagaimana untuk menghantar penceramah agama ke selatan negara itu.

"Bagaimanapun, penting untuk kita menyatakan ia atas jemputan Thailand dan kita tidak akan berbuat sesuatu tanpa pengetahuan mereka atau tanpa jemputan mereka," katanya.

Najib berkata, usaha itu perlu kerana amat penting bagi masyarakat Islam di selatan Thailand menolak kefahaman yang keterlaluan atau tafsiran yang bersifat militan dan ini dilaksanakan Malaysia dengan pelawaan Thailand.

"Kita juga bersetuju usaha berterusan dilakukan untuk bertukar-tukar pengalaman dan juga dalam bidang latihan supaya kita boleh meningkatkan kerjasama kedua-dua negara," katanya.

Jawatankuasa yang dipengerusikan kedua-dua Menteri Luar juga mengenal pasti bidang latihan bagi mewujudkan pembinaan keupayaan dari segi kemahiran masyarakat selatan Thailand dan kemampuan mereka melaksanakan program termasuk projek kecil.

"Juga dalam bidang latihan keagamaan, jika mereka kehendaki pun kita boleh laksanakan," katanya.

Mengenai dakwaan kumpulan militan itu menerima latihan di Malaysia, Najib berkata perkara seumpama itu tidak wujud, sebaliknya Thaksin amat gembira dengan tahap kerjasama dan mahu ia dipertingkatkan lagi.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia menyatakan bahawa untuk Kerajaan Thailand memenangi hati dan jiwa sebahagian besar masyarakat Islam di selatan Thailand, ia mesti lebih mesra dari segi pendekatan, di samping menunjukkan imej mesra dengan penduduk di situ, bukan sebaliknya.

"Kita menyatakan persekitaran itu mesti persekitaran yang kondusif dari segi menerima konsep pembangunan yang sebenarnya untuk kerajaan Thailand memenangi hati dan fikiran sebahagian besar masyarakat di kawasan terbabit.

"Untuk memenangi hati dan fikiran mereka, kerajaan Thailand mesti lebih mesra dari segi pendekatan kepada masyarakat di selatan Thailand dan ini membabitkan mereka melaksanakan projek pembangunan sosioekonomi dan memberi peluang untuk mereka memerangi kemiskinan," katanya.

Apabila berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Bangkok empat jam selepas pertemuan itu, Najib tersenyum riang dan mampu melelepkan mata dalam penerbangan jet eksekutif sambil mencatat nota hasil perbincangan untuk dilaporkan kepada Pak Lah.

(END)